



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM MEMANDANG SERIUS TERHADAP KEMATIAN ADAM RAYQAL

1. Kejadian seorang bayi berusia 5 bulan, Adam Rayqal Mohd Sufi yang ditemui mati dan disorokkan dalam bahagian pembeku peti sejuk di rumah pengasuhnya di Taman Nakhoda, Batu Caves, Selangor adalah sesuatu yang sangat mengejutkan dan ianya tidak boleh diterima sama sekali.
2. Saya sempat bertemu dengan keluarga mangsa di Hospital Kuala Lumpur semalam dan telah menyampaikan salam takziah kepada kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga mereka. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kerana bertindak pantas menyiasat dan menyelesaikan isu ini. Pada masa ini, Kementerian menggunakan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] untuk tujuan perlindungan kanak-kanak sementara itu Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] pula adalah untuk mengawal selia Taman Asuhan Kanak-Kanak. Kes Adik Adam ini menunjukkan terdapat ruang yang boleh ditambahbaik terutamanya kategori taska kanak-kanak yang di bawah Akta 308. Antara penambahbaikan yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian ini adalah mengkaji keperluan penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak atau badan bebas Kanak-Kanak yang akan melapor dan membuat cadangan kepada Parlimen. Saya akan berbincang dengan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai perkara ini.
3. Kementerian pada masa ini telah mempunyai satu bahagian kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memantau dan menyelia isu-isu berkaitan kanak-kanak. Walau bagaimana pun bahagian tersebut mempunyai sumber manusia yang amat terhad. Oleh yang demikian suruhanjaya kanak-kanak yang dicadangkan tersebut adalah penting memandangkan negara ini sudah mempunyai pelbagai suruhanjaya di bidang yang lain seperti suruhanjaya tenaga, koperasi, pengangkutan,

air, sukan dan sebagainya. Penubuhan suruhanjaya ini adalah perlu, kerana kami sedar bahawa kanak-kanak adalah aset yang paling penting buat masa depan negara.

4. Kementerian akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri untuk menambahbaik Akta Kanak-Kanak supaya daftar kanak-kanak sedia ada diperkasakan dan merangkumi semua kesalahan jenayah seksual, kesihatan mental dan sebarang rekod mahkamah, polis dan yang berkaitan. Sistem ini akan memastikan seseorang yang menjaga atau mereka yang bekerja dan berurusan dengan kanak-kanak seperti pengasuh, pengawal keselamatan di sekolah, pemandu bas sekolah, guru-guru pusat tuisyen atau sesiapa sahaja yang mempunyai urusan kerja melibatkan kanak-kanak akan tertakluk kepada proses pemeriksaan ini. Melalui sistem ini, ianya akan meminimumkan risiko keselamatan ke atas kanak-kanak yang terlibat.

5. Pihak Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6/1989 di mana Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri hendaklah menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja untuk kemudahan ibubapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapat pengasuhan yang berkualiti. Kementerian ini akan membuat audit di semua agensi kerajaan bagi memastikan semua agensi kerajaan mempunyai pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja terutamanya mereka yang bekerja secara syif. Sasaran kementerian menjelang 1 Januari tahun hadapan, pusat penjagaan kanak-kanak akan dapat diwujudkan di semua agensi kerajaan. Sebagai galakan kepada majikan di sektor awam dan swasta yang menyediakan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak ini, mereka layak mendapat pelepasan cukai daripada kerajaan mengikut Pekeliling Jabatan Hasil Dalam Negeri Bil. JHDN 01/35/(S)/42/51/60-1 bertarikh 15 Februari 1996, Insentif pengecualian cukai 10% selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyenggaraan dan pemilikan bangunan untuk Pusat Asuhan Kanak-Kanak bagi majikan sektor swasta.

6. Kementerian berharap dengan semua penambahbaikan ini, ia akan dapat mengelakkan kejadian seperti ini daripada berulang dan saya berharap kematian Adam Rayqal tidak sia-sia.

###

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
PUTRAJAYA
5 JULAI 2018